

Aktiviti Praktikal Pengalaman Lapangan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# Pelajar Indonesia ikuti program FPTV



RAZALI Hassan (duduk, tiga dari kiri) bersama pensyarah dan pelajar Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia sempena aktiviti Praktikal Pengalaman Lapangan di Batu Pahat, baru-baru ini.

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI  
utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 19 Ogos - Sera-mai 12 mahasiswa pelbagai jurusan dari Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia hadir mengikuti aktiviti Praktikal Pengalaman Lapangan yang diuruskan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini baru-baru ini.

Program penempatan pelajar tersebut mendapat kerjasama daripada empat buah kolej vokasional dari Johor iaitu Kolej Vokasional Segamat, Muar, Kluang dan Batu Pahat.

Dekan FPTV, Prof. Madya Dr. Razali Hassan berkata, antara matlamat utama program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada penuntut dengan budaya kerja yang diamalkan oleh guru-guru kemahiran teknikal dan vokasional.

"Selain itu, penuntut juga dapat berkongsi pembudayaan pengurusan di kolej vokasional dan mengeraskan pasti perbezaan yang terdapat antara latihan dan teknik yang dia-

malkan di Indonesia dan di Malaysia.

"Program ini juga secara tidak langsung dapat memperkenalkan budaya serumpun masyarakat keturunan Jawa di negara ini kepada penuntut ini yang akan berada di sini selama kira-kira empat minggu," katanya menerusi satu kenyataan, di sini semalam.

Tambah Razali, selaras dengan persediaan penubuhan Gagasan Komuniti ASEAN menjelang 2015, pihaknya telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan tahap mutu pengajaran teknikal dan vokasional dari kedua-dua negara berada di peringkat tertinggi.

"Ini penting untuk memastikan tenaga pengajar kedua-dua negara dapat memenuhi piawaian kelayakan mengajar dalam usaha menembusi pasaran modal insan di kalangan negara serantau.

"Saya juga berharap lebih banyak kerjasama serupa akan dapat dilaksanakan di masa hadapan bersama institusi pengajian tinggi lain dari seluruh rantau ini," katanya lagi.